




SURAH ASH-SHUARA : AYAT 133

أَمَدَّكُمْ بِأَنْعَامٍ وَبَيْنِينَ (133)

Maksudnya: Diberinya kamu binatang-binatang serta anak-pinak (yang ramai).



HAIWAN-HAIWAN YANG DISEBUT DALAM AL-QURAN

- Unta – سورة الغاشية : 17
- Gagak – سورة المائدة : 31
- Lalat – سورة الحج : 73
- Anjing – سورة الأعراف : 176
- Labah-labah – سورة العنكبوت : 41
- Keldai – سورة الجمعة : 5

PENGHAYATAN

- Orang islam wajib menyakini bahawa semua penciptaan haiwan adalah tanda kewujudan dan kekuasaan Allah.
- Orang islam dituntut supaya berbuat baik kepada haiwan sebagai tanda bersyukur kepada Allah.





PENGERTIAN QIYAMUHU BINAFSIHI

- Erti Qiyamuhu Binafsihi ialah Allah berdiri dengan sendiri
- Allah tidak memerlukan pertolongan makhluk

HUKUM MEMPERCAYAI SIFAT QIYAMUHU BINAFSIHI

- Wajib



DALIL AQLI QIYAMUHU BINAFSIHI

- Allah berdiri dengan sendiri dan tidak berhajat kepada sesuatu.
- Sekiranya Allah berhajat kepada sesuatu bermakna Allah mempunyai kelemahan dan kekurangan.



SURAH AL BAQARAH :AYAT 255

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ (255)

Maksudnya: Allah tidak ada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia yang tetap hidup kekal lagi selamanya mentadbirkan (sekalian mahluk-Nya).



KESAN MEMPERCAYAI SIFAT QIYAMUHU BINAFSIHI

- Mengakui keagungan Allah .
- Mengharapkan pertolongan Allah.
- Menjauhkan sifat sombong dan takbur.
- Sentiasa takut kepada Allah.
- Sedar kelemahan diri.

PENGHAYATAN

- Orang islam wajib menyakini bahawa Allah menciptakan sesuatu dengan sendiri.
- Orang islam dituntut berdoa sebagai tanda sentiasa mengharapkan pertolongan Allah.
- Manusia amat memerlukan pertolongan Allah dalam kehidupannya.



MAKSUD

MAKSUD ALLAH BERSIFAT MUKHALAFATUHU LILHAWADIS

- Sifat mukhalafatuhu lilhawadis ialah Allah itu berlawanan dan berbeza dengan semua makhluk ciptaan-Nya.

MAKSUD BERLAWANAN DAN BERBEZA DENGAN MAHLUK CIPTAANYA IALAH:

- Tidak ada sesuatu makhluknya yang serupa dengan Allah daripada zat, sifat dan perbuatannya serta kita wajib beriman dengannya.



SURAH ASH-SHURA : AYAT 11

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ (١١)

Maksudnya: Tiada sesuatu pun yang sebanding dengan-Nya (Zat, sifat dan pentadbiran-Nya)



ZAT, SIFAT, PERBUATAN

ZAT ALLAH

ialtu Allah tidak berjirim dan berjirim seperti makhluk iaitu manusia atau binatang. Semua makhluk memiliki jirim dan berjirim boleh dilihat dan disentuh.

SIFAT ALLAH

ialtu Allah tidak mempunyai sifat seperti makhluk. Contohnya Allah tidak memerlukan telinga untuk mendengar. Allah tidak memerlukan ruang, waktu dan tempat.

PERBUATAN ALLAH

ialtu Allah tidak memerlukan sebarang pertolongan untuk melakukan sesuatu perbuatan.



DALIL AQLI

DALIL AQLI :

- Allah tiada kelemahan, tidak seperti makhluk yang diciptakan-Nya yang bersifat baharu.
- Allah tidak bersifat baharu, kerana sifat Baharu hanya ada pada makhluk yang diciptakan-Nya.
- Allah tiada kelemahan tidak seperti manusia yang mengharapkan pertolongan orang lain untuk kesejahteraan hidup.



PETA MINDA:
SIFAT MUKHALAFATUHU
LILHAWADIS



KESAN BERIMAN

KESAN BERIMAN DENGAN SIFAT MUKHALAFATUHU LILHAWADIS

- Sentiasa mengakui kehebatan Allah.
- Saling membantu sesama manusia.
- Mengukuhkan keimanan dan ketakwaan.
- Menjauhi sifat sombong dan takbur.
- Sentiasa mengharapkan pertolongan Allah.

PENGHAYATAN

- Orang islam wajib menyakini bahawa Allah tidak sama dengan makhluk dari segi sifat, zat dan perbuatan.
- Manusia bersifat lemah namun Allah tidak sama sekali bersifat lemah.





MAKSUD KITAB

Kalam Allah diwahyukan kepada para rasul didalamnya terdapat syariat dan hukum sebagai panduan manusia.

MAKSUD BERIMAN

Beriman maksudnya percaya dan yakin iaitu tidak ragu-ragu atau waswas.

MAKSUD BERIMAN KEPADA KITAB

Beriman kepada kitab bermaksud percaya dan yakin bahawa kitab itu daripada Allah dan mengakui kebenaran isi kandungannya.



NABI-NABI DAN KITAB-KITAB YANG DITURUNKAN

- Kitab Taurat – Nabi Musa
- Kitab Zabur – Nabi Daud
- Kitab Injil – Nabi Isa
- Kitab Al-Quran – Nabi Muhammad



PERANAN AL-QURAN DALAM KEHIDUPAN

- Memahami perkara ghaib kerana akal manusia yang terbatas.
- Al-Quran sebagai sumber ilmu.
- Supaya kehidupan diberkati dan dirahmati Allah.
- Sebagai panduan hidup dalam kehidupan.



HUKUM BERIMAN KEPADA KITAB

- Orang tidak percaya kepada kitab yang diturunkan hukumnya adalah berdosa.
- Percaya kepada kitab adalah wajib bagi orang islam.
- Orang islam wajib patuh dan taat segala suruhan dan larangan yang terdapat didalamnya.

PETA MINDA: BERIMAN KEPADA KITAB

PENGHAYATAN

- Orang islam wajib beriman dengan kitab Al-Quran.
- Orang islam wajib percaya dan yakin bahawa kitab Al-Quran adalah kalam Allah .
- Orang islam wajib percaya dan yakin bahawa kitab Al-Quran diwahyukan kepada Nabi Muhammad.
- Orang islam juga wajib percaya kepada kitab-kitab lain yang diturunkan selain Al-Quran.

CARA MENCINTAI AL-QURAN

- Membaca setiap hari.
- Memahami makna dan pengertian.
- Beramal dengan Al-Quran dan mengikuti segala suruhan serta meninggalkan larangannya.





MAKSUD HARI KIAMAT

- Hari kiamat bermakna hari kebangkitan semula dan pembalasan.

MAKSUD BERIMAN KEPADA HARI KIAMAT

- Beriman kepada hari kiamat ialah percaya dan yakin bahawa semua mahluk akan binasa suatu hari nanti.

HUKUM BERIMAN KEPADA HARI KIAMAT

- Wajib



TANDA-TANDA KECIL HARI KIAMAT

- Ramai wanita daripada lelaki.
- Banyak berlaku pembunuhan.
- Berlumba-lumba menghiasi masjid dan berbangga dengannya.
- Orang yang hina mendapatkan kedudukan terhormat.
- Banyak berlaku gempa bumi.



TANDA -TANDA BESAR HARI KIAMAT

- Asap keluar memenuhi timur dan barat.
- Matahari terbenam disebelah barat.
- Munculnya Imam Mahdi.
- Nabi Isa turun untuk menyelamatkan islam.
- Keluarnya yakjuj dan makjuj.



SURAH AL- BAQARAH : AYAT 4

وَبِالْآخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ (4)

Maksudnya : Serta mereka yakin akan (adanya) hari akhirat (dengan sepenuhnya)



HIKMAH BERIMAN KEPADA HARI KIAMAT

- Keimanan kepada Allah akan semakin bertambah.
- Ketakwaan kepada Allah akan semakin kukuh.
- Menjauhi maksiat dan perbuatan mungkar.
- Bertanggungjawab melaksanakan perintah Allah.
- Sentiasa bertaubat.



PENGHAYATAN

- Orang islam wajib beriman dengan hari kiamat.
- Orang islam wajib percaya dan yakin bahawa hari kiamat pasti berlaku.
- Orang islam wajib percaya dan yakin bahawa hari kiamat adalah hari pembalasan kepada manusia.

